

Soalan 32 dan soalan 33

Pilih perkataan seerti bagi perkataan bergaris.

32. Sahabat karib Norman terlibat dalam kemalangan jalan raya semalam.

- A. hampir B. longgar C. rapat D. elok

33. Konsep pembinaan bangunan ini memberikan imej baru.

- A. gambaran B. hadiah C. kenyataan D. lukisan

Soalan 34 dan soalan 35

Pilih perkataan berlawanan bagi perkataan bergaris.

34. Harga barang-barang terus meningkat dari setahun ke setahun.

- A. baik B. naik C. turun D. surut

35. Suasana di pasar malam menjadi gempar apabila ada orang bergaduh.

- A. riuh B. heboh C. bising D. tenang

Soalan 36 hingga soalan 38

Pilih Simpulan Bahasa yang paling sesuai bagi soalan-soalan di bawah ini.

36. Sambil menangis Fatimah mencurahkankepada ibunya.

- A. buah hati B. iri hati C. jauh hati D. isi hati

37. Puan Lee berasa bangga kerana kesemua anaknya berjaya melanjutkan pelajaran ke

- A. menara gading B. makan angin C. kera sumbang D. buta huruf

38. Walaupun Kumar handal berlari, namun dia

- A. batu loncatan B. kaki bangku C. khabar angin D. buah mulut

Soalan 39 dan soalan 40

Tukarkan ayat-ayat di bawah ini kepada ayat pasif atau sebaliknya.

39. **Ayah saya akan menjual kuih-muih di pasar malam.**

- A. Kuih-muih ayah saya akan menjual di pasar malam.
B. Kuih-muih ayah saya akan jual di pasar malam.
C. Kuih-muih akan ayah saya jual di pasar malam.
D. Kuih-muih akan dijual oleh ayah saya di pasar malam.

40. **Tugas itu kami selesaikan bersama-sama.**

- A. Bersama-sama tugas itu kami menyelesaikan.
B. Kami menyelesaikan tugas itu bersama-sama.
C. Tugas itu diselesaikan oleh kami bersama-sama.
D. Tugas itu bersama-sama kami diselesaikan.

Soalan 41 dan soalan 44

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

41. **Dia membawa kanak-kanak yang cedera akibat terjatuh dari basikal itu ke klinik yang berhampiran.**
- A. Kanak-kanak itu membawa basikal dengan laju sehingga terjatuh.
 - B. Dia membawa kanak-kanak dan basikal ke klinik yang berhampiran.
 - C. Kanak-kanak yang cedera akibat terjatuh dari basikal itu dibawanya ke klinik yang berhampiran.
 - D. Kanak-kanak cedera itu terjatuh berhampiran dengan klinik dan basikalnya.
42. **"Cuci kasut sekolah kamu," kata ibu kepada Lina.**
- A. Lina menyuruh ibunya mencuci kasut sekolah.
 - B. Ibu menyuruh Lina mencuci kasut sekolahnya.
 - C. Kasut sekolah menyuruh Lina dan ibu mencucinya.
 - D. Ibu dan Lina disuruh supaya mencuci kasut sekolah yang kotor.
43. **Oleh sebab hujan turun dengan lebatnya malam tadi, Pak Mail tidak pergi menoreh getah pada pagi ini.**
- A. Kerana hujan turun dengan lebatnya sejak malam, Pak Mail tidak pergi menoreh getah.
 - B. Hujan pagi ini telah menyebabkan Pak Mail tidak pergi menoreh getah malam tadi.
 - C. Hujan yang turun dengan lebatnya dari malam hingga pagi menyebabkan Pak Mail tidak pergi menoreh getah.
 - D. Pak Mail tidak pergi menoreh getah pada pagi ini kerana hujan lebat malam tadi.
44. **"Berhati-hatilah menunggang basikal ke sekolah," kata Puan Siti kepada anaknya.**
- A. Puan Siti berpesan kepada anaknya supaya menunggang basikal dengan berhati-hati ke sekolah.
 - B. Dengan hati-hati Puan Siti menasihati anaknya supaya menunggang basikal.
 - C. Puan Siti diingatkan oleh anaknya yang hendak ke sekolah supaya berhati-hati di jalan raya.
 - D. Puan Siti dinasihati oleh anaknya supaya berhati-hati menunggang basikal.

Soalan 45 hingga soalan 46

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

45. I Bilik itu menjadi terang apabila lampu dipasang.
II Percakapannya cukup terang dan dapat didengar dari luar bilik.
III Apabila hari terang, mereka memulakan perjalanan.
IV Angin yang bertiup dengan kencang tadi sudah terang sekarang.
A. I dan II B. III dan IV C. I, II dan III D. II, III dan IV
46. I Landasan kereta api itu tidak digunakan lagi.
II Beberapa orang pegawai sedang memeriksa landasan kapal terbang itu.
III Kamu tidak akan sesat sekiranya mengikut landasan agama yang betul.
IV Kereta api yang laju itu menggunakan landasan bawah tanah.
A. I dan III B. II dan IV C. II, III dan IV D. I, II, III dan IV

Soalan 47 hingga soalan 48

Pilih ayat atau ayat-ayat yang betul.

47. I Setiap orang mempunyai pandangan hidup yang berbeza.
II Berpandangan di tepi pantai sangat indah.
III Pandangan Ali tertumpu pada gadis yang sedang menyeberangi jalan itu.
IV Pemandangan Malaysia indah permai.
A. I dan II B. III dan IV C. I, II dan IV D. I, III dan IV
48. I Banyak mangsa-mangsa tsunami kehilangan harta benda dan keluarga.
II Masih hangat air kopi yang dibancuh oleh kakak tadi.
III Kami akan membincangkan lain-lain hal itu dalam mesyuarat pagi esok.
IV Semua tetamu dipersilakan mengambil tempat duduk di bahagian hadapan dewan.
A. I dan III B. II dan III C. III dan IV D. II dan IV

Soalan 49 dan soalan 50

Pilih ayat yang betul.

49. A. Pelajar itu mendapat tempat dua dalam pertandingan itu.
B. Usaha membangunkan negara tetap diteruskan.
C. Encik Hassan merupakan mata bagi pihak polis.
D. Penyanyi itu menerima tepokan yang gemuruh.
50. A. Kenangan semasa bercuti di Pulau Tioman tidak dapat kulupakan.
B. Dia menasihati rakannya supaya tidak melabur.
C. Dia bukan menonton filem di ruang tamu tadi.
D. Dua orang perompak bersenjata dengan sepucuk pistol.